

**LEMBARAN PENDEDAHAN  
 PRODUK**

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memiliki Kad Kredit PB. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat amnya.

Public Bank Berhad 196501000672 (6463-H)

Kad Kredit PB Visa Infinite  
 Kad Kredit PB World Mastercard  
 Kad Kredit PB Visa Signature  
 Kad Kredit PB Visa Platinum  
 Kad Kredit PB Platinum Mastercard  
 Kad Kredit Mutual Gold-PB Visa Platinum  
 Kad Kredit PB Quantum Visa  
 Kad Kredit PB Quantum Mastercard  
 Kad Kredit PB Visa Emas  
 Kad Kredit PB Emas Mastercard  
 Kad Kredit PB Visa Klasik  
 Kad Kredit PB Standard Mastercard  
 Kad Kredit PB-AIA Visa Emas  
 Kad Kredit PB-Petron Visa Emas

Tarikh: 16 Mei 2024

**1. Apakah produk ini?**

Ini adalah Kad Kredit PB, dengan kemudahan kredit diberi oleh Public Bank Berhad kepada Ahli Kad. Amaun kredit yang digunakan oleh Ahli Kad belum dilunaskan sepenuhnya pada atau sebelum satu tarikh yang ditetapkan, amaun yang belum dilunaskan itu adalah tertakluk kepada caj kewangan.

**2. Apakah yang saya peroleh daripada kad ini?**

- (i) MegaBonus Tunai  
 MegaBonus Tunai yang diperoleh akan dikreditkan terus ke dalam Akaun Kad pada setiap bulan. Tiada kriteria kelayakan minimum dan tiada sekatan bagi penggunaan MegaBonus Tunai.

| Jenis Kad                    | MegaBonus Tunai*            |                               |   |
|------------------------------|-----------------------------|-------------------------------|---|
|                              | Urus Niaga Dalam Negeri (%) | Urus Niaga Di Luar Negeri (%) | Had   |
| PB Visa/Mastercard Emas      | 0.1                         | 0.1                           | Tanpa Had   |
| PB-AIA Visa Emas             | 0.1                         | 0.1                           |   |
| PB-Petron Visa Emas          | 0.1                         | 0.1                           |   |
| PB Visa Platinum             | 0.2                         | 0.2                           |   |
| Mutual Gold-PB Visa Platinum | 0.2                         | 0.2                           |   |
| PB Visa Infinite             | 0.3                         | 2.0                           | RM80 bagi setiap kitaran penyata bulanan (pembayaran rebat tunai digabungkan antara Akaun Utama dan Akaun Tambahan) |

\* Sila rujuk kepada Perkara 2(vi) untuk senarai urus niaga yang dikecualikan

#### **Kad Kredit PB-AIA Visa Emas**

Rebat tunai 0.2% bagi semua Premium Insurans AIA setiap kitaran penyata bulanan. Urus niaga AIA yang dibuat melalui Direct Debit adalah dikecualikan. Semua urus niaga AIA tidak layak mendapatkan 0.1% MegaBonusTunai.

#### **Kad Kredit PB-Petron Visa Emas**

Rebat tunai sehingga 5% bagi pembelian petrol dan bukan petrol di mana-mana stesen servis Petron dengan amaun rebat tunai maksimum sebanyak RM50 bagi setiap kitaran penyata bulanan (pembayaran rebat tunai digabungkan antara Akaun Utama dan Akaun Tambahan). Diterima pakai bagi urus niaga Petron yang diperoleh oleh PBB di mana-mana stesen servis Petron.

| <b>Jumlah Pembelian Runcit Bulanan di Stesyen Servis Petron (RM)</b> | <b>Kadar Rebate Tunai (%)</b> |
|--|-------------------------------|
| < = 100  | 0.5                           |
| > 100 - 200  | 1.0                           |
| > 200 - 500  | 2.0                           |
| > 500 - 800  | 3.0                           |
| > 800  | 5.0                           |

(ii) **Rebate Tunai\***

#### **Kad Kredit PB Visa Signature**

Rebate tunai 3% atas barang runcit (MCC 5411), menjamu selera (MCC 5812, 5813, 5814) dan urus niaga dalam talian di dalam dan luar negeri dengan minimum sebanyak RM100 bagi setiap urus niaga, dihadkan pada RM30 bagi setiap kitaran penyata bulanan (pembayaran rebat tunai digabungkan antara Akaun Utama dan Akaun Tambahan)

(Bayaran berulang dan semua ansuran bulanan termasuklah tetapi tidak terhad kepada Pelan Ansuran Sifar Faedah (ZIIP) adalah dikecualikan dari rebat tunai)

#### **Kad Kredit PB Quantum Visa & Kad Kredit PB Quantum Mastercard**

| <b>PB Quantum Visa</b>  | <b>PB Quantum Mastercard</b>   |
|---|--|
| Pulangan Tunai 2% atas urus niaga <b>tanpa sentuh</b> dengan minimum sebanyak RM100 bagi setiap urus niaga, dihadkan pada RM20 bagi setiap kitaran penyata bulanan (pembayaran Pulangan Tunai digabungkan antara Akaun Utama dan Akaun Tambahan). | Pulangan Tunai 2% atas urus niaga <b>luar negeri</b> dengan minimum sebanyak RM100 bagi setiap urus niaga, dihadkan pada RM20 bagi setiap kitaran penyata bulanan (pembayaran Pulangan Tunai digabungkan antara Akaun Utama dan Akaun Tambahan). |

\* Sila rujuk kepada Perkara 2(vi) untuk senarai urus niaga yang dikecualikan

(iii) **Bonus Tunai**

#### **Kad Kredit Mutual Gold-PB Visa Platinum**

Tambahan Bonus Tunai Mutual Gold sebanyak 0.3% atas pembelian runcit bulanan yang akan dikumpul berdasarkan penggunaan kad pada bulan-bulan lepas sebelum bulan ulang tahun Ahli Kad dan dikreditkan ke dalam akaun kad pada bulan yang sama atau pada bulan berikutnya selepas tarikh harijadi Ahli Kad.

Jumlah maksimum Bonus Tunai Mutual Gold adalah dihadkan seperti berikut:

| <b>Pemegang Dana</b>                | <b>Bonus Tunai Mutual Gold Maksimum yang Diperoleh (RM)</b> |
|-------------------------------------|---|
| Mutual Gold Elite / Mutual Platinum | 300   |
| Mutual Gold                         | 100   |

Amaun Bonus Tunai akan diperbaharui pada tarikh harijadi Ahli Kad.

(iv)

Mata Ganjaran\*

**Kad Kredit PB World Mastercard**

- Urus Niaga Runcit Tempatan: Setiap ringgit yang dibelanjakan akan memperoleh 1x Mata Ganjaran Air Miles
- Urus Niaga Runcit Di Luar Negeri: 3x Mata Ganjaran Air Miles
- Kadar penebusan Mata Ganjaran Air Miles yang rendah di mana setiap 8,500 Mata Ganjaran Air Miles boleh digunakan untuk menebus 1,000 Mata Ganjaran Enrich atau 2,000 mata ganjaran airasia.
- Mata Ganjaran Air Miles adalah sah untuk tempoh tiga (3) tahun

**Kad Kredit PB Visa Signature**

- Peroleh 10x Mata Ganjaran Hijau dengan setiap Ringgit yang dibelanjakan bagi urus niaga Kategori Hijau\*\*
- Peroleh 3x Mata Ganjaran VIP dengan setiap Ringgit yang dibelanjakan bagi urus niaga runcit di luar negeri yang lain
- Peroleh 1x Mata Ganjaran VIP dengan setiap Ringgit yang dibelanjakan bagi urus niaga runcit di dalam negeri yang lain
- Tamat tempoh bagi Mata Ganjaran Hijau dan VIP adalah tiga (3) tahun

\*\* Sila rujuk kepada Perkara 2(v) Jadual MCC untuk urus niaga Kategori Hijau

**Kad Kredit PB Platinum Mastercard**

- Setiap Ringgit yang dibelanjakan akan memperoleh 1x Mata Ganjaran VIP
- Mata Ganjaran VIP sah untuk tempoh tiga (3) tahun

**Kad Kredit PB Quantum Visa/Mastercard**

- Dapatkan 2x Mata Ganjaran VIP bagi setiap Ringgit yang dibelanjakan atas urus niaga runcit di luar negeri yang lain (untuk Kad Kredit PB Quantum Visa sahaja)
- Dapatkan 1x Mata Ganjaran VIP bagi setiap Ringgit yang dibelanjakan atas urus niaga runcit di dalam negeri yang lain
- Mata Ganjaran VIP sah untuk tempoh tiga (3) tahun

\* Sila rujuk kepada Perkara 2(vi) untuk urus niaga yang dikecualikan

\* Tiada Mata Ganjaran akan diberikan untuk sebarang urus niaga perolehan Pulangan Tunai

(v)

Jadual MCC untuk urus niaga Kategori Hijau

| MCC  | Description   |
|------|---|
| 0763 | Koperasi Pertanian  |
| 0780 | Perkhidmatan Perlandskap dan Hortikultur                                  |
| 4011 | Kereta Api  |
| 4111 | Pengangkutan–Penumpang Komuter Pinggir Bandar dan Tempatan, termasuk Feri |
| 4112 | Kereta Api Penumpang  |
| 4121 | Taksi dan Limosin   |
| 4131 | Rangkaian Bas   |
| 5193 | Bekalan untuk Kedai Bunga, Stok Nurseri dan Bunga                         |
| 5261 | Nurseri dan Kedai Kelengkapan Laman dan Taman                             |
| 5552 | Pengecasan Kenderaan Elektrik   |
| 5655 | Kedai Pakaian Sukan dan Kedai Pakaian Menunggang                          |
| 5815 | Media Barangan Digital – Buku, Filem, Hasil seni/Imej digital, Muzik      |
| 5912 | Kedai Ubat-ubatan dan Farmasi   |
| 5931 | Kedai Barangan Terpakai   |

|      |  |
|------|--|
| 5940 | Kedai Basikal–Jualan dan Perkhidmatan  |
| 5941 | Kedai Barangan Sukan   |
| 5992 | Kedai Bunga  |
| 7512 | Agensi Sewaan Automobil  |
| 7992 | Padang Golf Awam   |
| 7997 | Kelab–Kelab Desa, Keahlian (Kecergasan, Rekreasi, Sukan), Padang Golf Peribadi |
| 8211 | Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah  |
| 8220 | Kolej, Universiti, Sekolah Profesional dan Maktab Rendah                       |
| 8299 | Sekolah dan Perkhidmatan Pendidikan (Tidak Diklasifikasikan di Tempat Lain)    |

(vi) Senarai Pengecualian untuk Ganjaran Kad

| Urus Niaga yang Dikecualikan  | Ganjaran Kad dan/atau Jenis Kad yang Berkenaan      |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tambah nilai e-dompot</li> <li>• Kasino (MCC 7995)</li> <li>• Petrol (MCC 5541, 5542 &amp; 5172)</li> <li>• Insurans / takaful (MCC 5960 &amp; 6300)</li> <li>• Bayaran Berulang</li> <li>• Pendahuluan Tunai</li> <li>• Separa Tunai (MCC 6050 &amp; 6051)</li> <li>• Pindahan baki</li> <li>• Urus niaga di kampus Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TARC)</li> <li>• Pembayaran berkaitan kerajaan (MCC 9211, 9222, 9223, 9399, 9311, 9402 &amp; 9405)</li> <li>• Pembayaran kepada badan kebajikan (MCC 8398)</li> <li>• Ansuran bulanan <i>Flexipay</i></li> <li>• <i>PB Easy Cash</i></li> <li>• Pembayaran melalui <i>Direct Debit</i></li> <li>• Pembayaran menerusi Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank</li> <li>• Pembayaran menerusi ATM</li> </ul> | <p>Semua ganjaran kad untuk semua Kad Kredit PB</p> |

(vii) Pelan Flexipay Eksklusif

**PB Quantum Visa dan PB Quantum Mastercard**

1% untuk tempoh 12 bulan dengan perbelanjaan runcit minimum sebanyak RM1,200.

(viii) Insurans Perjalanan Automatik

PERCUMA Insurans Perjalanan Automatik sehingga RM500,000 apabila atur cara perjalanan penuh dicajkan kepada Kad. Anda juga boleh membuat tuntutan atas kesulitan yang dialami akibat Kelewatan Bagasi, Kehilangan Bagasi, Penerbangan yang Tertunda, Terlepas Penerbangan Sambungan, Pembatalan Perjalanan dan Perbelanjaan Penghantaran Pulang.

| Jenis Kad                      | Perlindungan Insurans Perjalanan Automatik |
|--------------------------------|--|
| Kad Kredit PB Visa Infinite    | Sehingga RM500,000 setahun                 |
| Kad Kredit PB World Mastercard | Sehingga RM500,000 setahun                 |

|   |                            |
|---|----------------------------|
| Kad Kredit PB Visa Signature            | Sehingga RM500,000 setahun |
| Kad Kredit PB Visa Platinum             | Sehingga RM500,000 setahun |
| Kad Kredit PB Platinum Mastercard       | Sehingga RM500,000 setahun |
| Kad Kredit Mutual Gold-PB Visa Platinum | Sehingga RM500,000 setahun |

Insurans Kemalangan Peribadi

PERCUMA Insurans Kemalangan Peribadi sehingga RM20,000 bagi Kad Kredit PB-Petron Visa Emas.

(ix) Komplimentari Akses ke Plaza Premium Lounge Malaysia

**PB Visa Infinite, PB World Mastercard dan PB Visa Signature**

| Jenis Kad                              | Akses  |
|--|--|
| PB Visa Infinite / PB World Mastercard | 3x komplimentari akses ke Plaza Premium Lounge Malaysia dalam tempoh setahun |
| PB Visa Signature                      | 2x komplimentari akses ke Plaza Premium Lounge Malaysia dalam tempoh setahun |

*Nota: Akses berikutnya akan dicaj 25% dari kadar yang dipaparkan. Akses adalah digabungkan untuk Pemegang Kad Utama dan Kad Tambahan. Jika Ahli Kad mempunyai pelbagai kad, akses percuma adalah berdasarkan paras kad yang tertinggi. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pada terma dan syarat melalui [www.pbepbank.com](http://www.pbepbank.com).*

(x) Perkhidmatan Penulisan Wasiat

**PB World Mastercard, Visa Infinite, PB Visa Signature, PB Visa Platinum, PB Platinum Mastercard, PB Quantum Visa, PB Quantum Mastercard dan Mutual Gold-PB Visa Platinum**

Dapatkan potongan 50% bagi fi perkhidmatan penulisan wasiat. Hubungi PB Trustee Services Berhad melalui 03-2177 3127 (Talian Am) atau kunjungi cawangan berhampiran dengan anda untuk maklumat lanjut.

(xi) Fungsi Tanpa Sentuh

Cara cepat dan mudah untuk membuat bayaran bagi urus niaga dengan hanya 'melambai' kad anda berhampiran dengan alat pembaca tanpa sentuh di kaunter bayaran, tanpa memerlukan tanda tangan atau PIN untuk urus niaga runcit RM250 dan ke bawah.

(xii) Kad Tambahan

Anda boleh memohon Kad Tambahan untuk memberi ganjaran dan kemudahan Keahlian Kad Visa/ Mastercard anda kepada orang yang tersayang. (kecuali Mutual Gold-PB Visa Platinum)

(xiii) Had Kredit

Had kredit yang diberikan adalah tertakluk pada semakan semula kredit dan penilaian oleh Bank. Sekiranya Ahli Kad memiliki satu atau lebih kad dengan Bank, satu jumlah Kemudahan Kredit Bergabung akan diberikan bagi meliputi penggunaan semua kad yang dipegang oleh Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan, jika ada. Jika anda mahu, Kad Tambahan boleh dipilih dengan Kemudahan Kredit yang berasingan dengan minimum sebanyak RM1,000. Pemberian Had Kredit sementara kecemasan adalah bergantung kepada keadaan dan rekod pembayaran.

Untuk Kad Kredit Mutual Gold-PB Visa Platinum, had Kredit yang diberikan adalah tertakluk kepada pelaburan tunai dan Mutual Gold atau Mutual Gold Elite atau Mutual Platinum status yang dikekalkan dengan Public Mutual Berhad. Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya dan pada bila-bila masa, dengan notis terlebih dahulu dan tanpa memberi apa jua sebab, menyemak, membatalkan Kad, menyemak had kredit atau menolak untuk memperbaharui Kad atau menggantung atau mengehentikan penggunaan Kad oleh Ahli Kad Utama sekiranya Ahli Kad tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan Kad (untuk layak bagi Kad Kredit Mutual Gold-PB Visa Platinum. Ahli Kad harus menjadi pemegang Mutual Gold and Ahli Kad hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa mata ganjaran Mutual Gold (MGQP) tidak turun di bawah kelayakan status Mutual Gold).

(xiv) Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih PB  
Dapatkan perkhidmatan perbankan pada mana-mana hari sepanjang tahun dari mana pun anda berada di seluruh dunia.

(xv) E-Penyata  
Daftarlah untuk e-penyata sekarang di [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com).

(xvi) Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)

- FATCA adalah suatu undang-undang yang digubai oleh Kerajaan Amerika Syarikat (A.S.) untuk mengumpul maklumat mengenai pembayar cukai/rakyat/pemastautin tetap atau pemegang kad hijau A.S. atau mereka yang berada lama secara fizikal di A.S. (dipanggil sebagai Orang A.S. atau Orang A.S. Tertentu) untuk melaporkan mengenai pelaburan aset/wang/dana mereka dalam negara di luar A.S.
- Ini bagi membolehkan Kerajaan A.S. mengutip pendapatan yang boleh kena cukai daripada Orang A.S. Tertentu yang melabur wang mereka di negara-negara selain daripada A.S. di mana aset mereka yang dipegang di dalam akaun kewangan akan dilaporkan kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri A.S. (IRS).
- FATCA mula dikuatkuasakan di Malaysia pada 1 Julai 2014.

(xvii) Standard Pelaporan Bersama (CRS)

- Lebih daripada 100 buah negara telah menandatangani perjanjian dengan Majlis Pertubuhan Pembangunan dan Kerjasama Ekonomi (OECD), sebuah badan dunia yang membantu kerajaan-kerajaan di seluruh dunia untuk menangani cabaran-cabaran ekonomi, social dan urus tadbir dengan memperkenalkan keperluan baharu untuk mengumpul dan melaporkan maklumat bagi institusi kewangan untuk membantu memelihara integriti sistem percukaian yang sama seperti FATCA,
- Di bawah CRS, kami perlu menentukan sama ada anda ialah 'pemastautin yang membayar cukai' iaitu dalam negara mana yang anda bertanggungjawab untuk membayar cukai pendapatan.
- CRS mula berkuat kuasa di Malaysia pada 1 Januari 2017.

Bagi Negara-negara yang Berkenaan di bawah CRS sila rujuk [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com)

(xviii) Izin Daripada Pelanggan

- Saya dengan ini berjanji untuk memaklumkan Public Bank (PBB) dalam tempoh 30 hari mengenai apa-apa perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pensijilan diri ini salah dengan menyediakan dokumentasi yang diperlukan dalam tempoh 90 hari dari tarikh perubahan.
- Saya mengakui dan bersetuju dengan maklumat akaun saya untuk ditukar dengan pihak berkuasa cukai negara yang berkenaan jika status asing saya berada di bawah bidang kuasa perjanjian antara kerajaan dibawah FATCA dan CRS.
- Saya telah membaca dan memahami peruntukan FATCA dan CRS seperti yang terkandung di sini dan bersetuju untuk terikat dengan peruntukan tersebut.
- Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah, dengan pengetahuan dan kepercayaan saya yang terbaik, tepat dan lengkap.
- Saya mengaku bahawa Bank berhak sesuai dengan yang dianggap wajar oleh Bank, menolak permohonan atau menutup akaun atau melaporkan akaun tersebut kepada pihak berkuasa cukai yang berkaitan tanpa memberikan apa-apa alasan sekiranya mana-mana maklumat yang diberikan adalah tidak sah, tidak tepat, tidak mencukupi dan tidak lengkap.

### 3. **Apakah tanggungjawab saya?**

(i) Pembayaran Balik Minimum Setiap Bulan

- 5% daripada jumlah Baki Semasa;
- keseluruhan amaun Ansuran Bulanan [termasuk ansuran bulanan bagi Pertukaran Baki Auto (ABC), Pelan Ansuran Faedah Sifar (ZIIP), Bayaran Fleksi, Pelan Pindahan Baki (BTP)], jika ada; dan
- keseluruhan lebihan amaun apabila Baki Semasa melebihi Had Kredit, jika ada; ATAU
- RM50; mana-mana yang lebih tinggi.

- (ii) **Tempoh Bebas Faedah Dari Pembelian Runcit**  
Tempoh bebas faedah selama 20 hari bagi semua pembelian runcit, dengan syarat semua baki tertunggak dari bulan berikutnya, berdasarkan penyata bulanan, dilunaskan sepenuhnya dalam tempoh perlu bayar. Bagi yang tiada Tempoh Bebas Faedah, caj kewangan mengikut kadar bertingkat setiap bulan yang diterima pakai akan dikenakan bagi semua pembelian dari tarikh pembelian runcit dibuat.

*Nota: Pembelian runcit tidak termasuk pendahuluan tunai, pindahan baki dan pelan-pelan kredit yang lain.*

- (iii) **Caj Kewangan**

|              |                   |   |  |
|--------------|-------------------|---|--|
| Caj Kewangan | Pembelian Runcit* | 15% setahun   | Dengan pembayaran segera bagi 12 bulan berturut-turut              |
|              |                   | 17% setahun   | Membuat 10/11 kali pembayaran segera dalam tempoh 12 bulan lalu    |
|              |                   | 18% setahun   | Membuat 9 atau kurang pembayaran segera dalam tempoh 12 bulan lalu |
|              | Pendahuluan Tunai | 18% setahun   | Pendahuluan Tunai Caj Kewangan                                     |
|              | Pindahan Baki     | Kadar Pindahan Baki adalah berdasarkan promosi yang sedang berlangsung. Caj kewangan bertingkat sebanyak 15% hingga 18% setahun akan dikenakan ke atas jumlah lampau tempoh atau tertunggak tidak dibayar sepenuhnya. |  |

*Nota: \*Untuk menikmati caj kewangan yang lebih rendah bagi pembelian runcit, anda perlu membuat sekurang-kurangnya 10 pembayaran segera dalam tempoh 12 bulan lalu. Caj kewangan bertingkat hanya diterima pakai bagi baki tertunggak berikutan daripada pembelian runcit.*

- (iv) Sebagai pemegang kad Utama, anda bertanggungjawab untuk semua transaksi yang dilakukan oleh pemegang kad Tambahan.
- (v) **Pengagihan Bayaran**  
Bayaran akan diagihkan untuk menjelaskan baki belum jelas dalam penyata yang dikenakan faedah yang lebih tinggi dahulu.

#### 4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

- (i) **Fi Tahunan**  
**Semua Kad Kredit PB (kecuali PB Visa Infinite, PB World Mastercard, Mutal Gold-PB Visa Platinum, PB Quantum Visa, PB Quantum Mastercard, PB-AIA Visa Emas dan PB-Petron Visa Emas)**  
Percuma Seumur Hidup (Kad Utama & Tambahan) - Pengecualian fi tahunan sepenuhnya tahun pertama & tahun-tahun berikutnya berdasarkan minimum 12 transaksi dalam 12 bulan sebelumnya.

| Jenis Kad                      | Kad Utama   | Kad Tambahan |
|--------------------------------|---|--------------|
| Kad Kredit PB Visa Infinite    | Pengecualian fi tahunan seumur hidup untuk Pemegang Kad Utama dan pengecualian fi tahunan seumur hidup untuk Kad Tambahan pertama.<br><i>Nota: Kad Tambahan kedua dan seterusnya akan dikenakan fi tahunan sebanyak RM250.00 untuk setiap kad tambahan.</i> |              |
| Kad Kredit PB World Mastercard | Pengecualian fi tahunan seumur hidup tanpa syarat   |              |
| Kad Kredit PB Visa Signature   | RM388.00  | RM200.00     |
| Kad Kredit PB Visa Platinum    | RM333.00  | RM150.00     |

|  |  |          |
|--|--|----------|
| Kad Kredit PB Mastercard Platinum        | RM333.00   | RM150.00 |
| Kad Kredit Mutuall Gold-PB Visa Platinum | Pengecualian fi tahunan seumur hidup selagi status Mutuall Gold atau Mutuall Gold Elite atau Mutuall Platinum dikekalkan bersama Public Mutuall Berhad |          |
| Kad Kredit PB Quantum Visa               | Pengecualian fi tahunan seumur hidup tanpa syarat  |          |
| Kad Kredit PB Quantum Mastercard         | Pengecualian fi tahunan seumur hidup tanpa syarat  |          |
| Kad Kredit PB Visa Emas                  | RM150.00   | RM100.00 |
| Kad Kredit PB Emas Mastercard            | RM150.00   | RM100.00 |
| Kad Kredit PB-AIA Visa Emas              | Pengecualian fi tahunan seumur hidup tanpa syarat  |          |
| Kad Kredit PB-Petron Visa Emas           | Pengecualian fi tahunan seumur hidup tanpa syarat  |          |
| Kad Kredit Klasik Visa                   | RM75.00  | RM45.00  |
| Kad Kredit Mastercard Standard           | RM75.00  | RM45.00  |

(ii) Cukai Perkhidmatan Kad Kredit

Bermula pada 1 September 2018, cukai perkhidmatan akan dikenakan bagi kad kredit seperti yang berikut:

- A) RM25 setahun bagi Kad Utama; dan
- B) RM25 setahun bagi setiap Kad Tambahan

Cukai perkhidmatan akan dipungut pada tarikh kad itu diaktifkan, apabila berakhirnya setiap tahun atau pada tarikh kad diperbaharui. Ini bermakna bahawa cukai perkhidmatan di atas akan dikenakan kepada kad kredit baharu yang dikeluarkan mulai 1 September 2018. Bagi kad kredit sedia ada yang dikeluarkan sebelum 1 September 2018, cukai perkhidmatan akan dikenakan genap setahun kad dikeluarkan.

(iii) Fi Pendahuluan Tunai

|   |   |
|---|---|
| Fi Pendahuluan Tunai (fi sekali sahaja)                             | 5% daripada jumlah yang dikeluarkan atau RM20.00, mana yang lebih tinggi  |
| ✓ Cawangan / ATM  |   |
| ✓ Public Bank Gabungan Bank dan Institusi Kewangan Di seluruh dunia |   |
| ✓ Perbankan dalam talian Pbe  |   |
| Caj Kewangan untuk Pendahuluan Tunai                                | 18% setahun, caj kewangan akan dikira atas setiap pendahuluan tunai yang dikira dari tarikh wang tunai diambil sehingga tarikh pembayaran penuh |

Fi pendahuluan tunai sekali bayar bagi pendahuluan tunai akan dicaj atas amaun pendahuluan tunai atau minimum sebanyak RM20.00. SELAIN ITU, caj kewangan akan dikira atas setiap pendahuluan tunai yang dikira dari tarikh pendahuluan tunai tersebut dikeluarkan sehingga tarikh ia dilunaskan sepenuhnya.

(iv) Fi Had Lebihan

Tidak diterima pakai

(v) Fi Pertukaran Bagi Urus Niaga Di Luar Negeri

Urus niaga yang dibuat dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia menggunakan Dolar AS sebagai mata wang asas pada tarikh ia diterima dan/atau diproses pada kadar pertukaran seperti yang mungkin ditentukan oleh Visa International/Mastercard Worldwide. Selain itu, anda juga perlu membayar Spread Pertukaran Asing sebanyak 1.25% daripada amaun Ringgit Malaysia yang ditukar itu bagi pertukaran urus niaga yang dibuat dalam mata wang asing. Pertukaran mungkin berbeza daripada kadar yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga disebabkan naik-turun pasaran. Kadar yang dikenakan seperti itu



adalah terakhir dan muktamad dan Ahli kad hendaklah menanggung semua risiko pertukaran, kerugian, komisen dan caj-caj bank lain yang mungkin terpaksa dibayar.

- (vi) Fi Mendapatkan Semula Rekod Jualan  
RM15.00 bagi setiap permohonan  
Kad Kredit PB World Mastercard: RM10.00 bagi setiap permohonan salinan rekod jualan
- (vii) Fi Bagi Salinan Cetak Penyata Bulanan  
RM1.00 bagi setiap salinan cetak penyata (efektif Mei 2019)  
(pengecualian Kad Kredit PB Visa Klasik/ Standard Mastercard, Ahli Kad berusia 60 tahun dan ke atas, kurang upaya dan Ahli Kad yang mempunyai kesukaran untuk mengakses kepada E-Penyata.)
- (viii) Fi Permohonan Penyata Tambahan  
RM5.00 bagi setiap permohonan
- (ix) Penalti Penggantian Kad  
Kad pertama : RM50.00  
Kad kedua : RM100.00  
Kad ketiga : RM150.00  
  
Kad Kredit PB World Mastercard : RM50.00
- (x) Apa-apa cukai yang perlu dibayar atau dikuatkuasakan.

#### **5. Bagaimanakah sekiranya saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?**

- (i) Caj Pembayaran Lewat  
Kegagalan untuk membuat Pembayaran Minimum pada Tarikh Perlu Dibayar, caj minimum sebanyak RM10 atau 1% daripada jumlah baki tertunggak pada tarikh penyata akan dikenakan seterusnya, mana yang lebih tinggi, dihadkan pada maksimum sebanyak RM100, hendaklah didebitkan ke dalam Akaun Kad.
- (ii) Hak Untuk Menolak Selesai  
Public Bank Berhad mempunyai hak untuk menolak semua / sebarang akaun anda yang dikendalikan oleh Public Bank dan / atau subsidiari terhadap baki tertunggak dalam akaun kad kredit ini dengan tujuh (7) hari kalendar notis terlebih dahulu.
- (iii) Liabiliti Bagi Urus Niaga Tanpa Kebenaran  
Sekiranya kad hilang/dicuri atau digunakan tanpa kebenaran, anda akan dipertanggungjawabkan bagi semua transaksi sekiranya anda:
  - (i) melakukan penipuan;
  - (ii) lewat-lewatkan untuk memaklumkan kepada Bank dalam tempoh masa yang munasabah yang mungkin selepas mengetahui mengenai kehilangan/ kecurian atau penggunaan Kad tanpa kebenaran itu;
  - (iii) mendedahkan PIN kepada orang lain secara sukarela;
  - (iv) menulis PIN pada Kad atau pada apa-apa sahaja yang amat dekat dengan Kad yang boleh hilang bersama-sama dengan Kad;
  - (v) meninggalkan Kad, atau barang yang didalamnya mengandungi Kad tersebut tidak mengawasi; dan/atau
  - (vi) sengaja membenarkan orang lain menggunakan Kad tersebut. Jika siasatan mendapati bahawa anda terbabit dalam menyebabkan pengenaan caj tanpa kebenaran, anda akan dipertanggungjawabkan bagi semua caj tanpa kebenaran, termasuk caj kewangan, sama ada sebelum atau selepas Bank menerima pengesahan tersebut. Dengan ini adalah dipersetujui bahawa Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Had Kredit tidak melebihi jumlah yang ditetapkan oleh Bank.

*Nota: Sekiranya anda gagal mematuhi terma dan syarat kad kredit ini, kami berhak untuk menamatkan Kad anda.*

**6. Bolehkah saya menyelesaikan keseluruhan baki sebelum tempoh ia perlu dibayar? (Bagi pelan pindahan baki atau pembayaran fleksi)**

- (i) Tempoh Penguncian  
Tempoh penguncian sehingga 48 bulan bergantung kepada jenis pelan pindahan baki atau pembayaran fleksi kerana pelan yang berlainan mempunyai tempoh penguncian yang berbeza.
- (ii) Penalti Penyelesaian / Keluar Awal – Pelan Pindahan Baki  
RM100.00
- (iii) Penalti Penyelesaian / Keluar Awal – Pelan Pembayaran Fleksi (kecuali Kad Kredit PB World Mastercard)  
RM100.00
- (iv) Penalti Penyelesaian / Keluar Awal – Pelan Pembayaran Fleksi (untuk Kad Kredit PB World Mastercard)  
RM50.00

**7. Apakah risiko-risiko utama?**

Anda perlu memaklumkan kepada Public Bank dengan serta-merta selepas menyedari bahawa kad kredit anda telah hilang, dicuri atau digunakan tanpa kebenaran. Bagi kad yang dicuri atau hilang, hubungi 03-2176 8555. Bagi kad yang digunakan tanpa kebenaran, hubungi 03-2170 8000.

Jika anda tidak ingin menerima Makluman Segera Tentang Urus Niaga Melalui SMS, anda tidak dapat mengambil tindakan segera untuk memaklumkan kepada Bank sekiranya berlaku urus niaga tanpa kebenaran ke atas akaun kad anda.

Dengan membuat pembayaran balik minimum setiap bulan, amaun caj kewangan dan masa yang diambil untuk menyelesaikan keseluruhan amaun akan meningkat. Pertimbangkanlah keupayaan pembayaran balik anda apabila mengecajkan kad kredit anda. Caj kewangan yang dikenakan atas baki tertunggak bagi kad kredit ini adalah berdasarkan struktur penetapan harga bertingkat mengikut rekod pembayaran balik anda sebelum ini. Sekiranya tuan/puan menggunakan kad kredit untuk membayar pembiayaan lain, jumlah pembayaran balik adalah lebih banyak.

Sekiranya anda mempunyai masalah untuk membayar baki kad kredit anda, hubungilah Public Bank secepat mungkin untuk berbincang mengenai pilihan lain bagi pembayaran balik.

Selain itu, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

**Tingkat 5 dan 6**  
**Menara Bumiputra Commerce**  
**Jalan Raja Laut**  
**50350 Kuala Lumpur**  
**Tel : 03-2616 7766**  
**E-mail : [csd@akpk.org.my](mailto:csd@akpk.org.my)**

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada Public Bank secara bertulis sekiranya terdapat perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Anda boleh menghubungi Public Bank di :

**Perkhidmatan Kad PB  
Public Bank Berhad  
146 Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
Malaysia.  
Tel : 603-2170 8000  
Faks : 603-2163 9400  
E-mel : [custsvc@publicbank.com.my](mailto:custsvc@publicbank.com.my)**

**9. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai kad kredit, sila rujuk kepada risalah bankinginfo mengenai "Kad Kredit", yang boleh didapati di semua cawangan Public Bank / Public Islamic dan laman web di [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my).

Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi Public Bank / Public Islamic Bank di:

**Perkhidmatan Kad PB  
Public Bank Berhad  
146 Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
Malaysia.  
Tel : 603-2170 8000  
Faks : 603-2163 9400  
E-mel : [custsvc@publicbank.com.my](mailto:custsvc@publicbank.com.my)  
Laman web : [www.pbepbank.com](http://www.pbepbank.com)**

Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan, sila hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

**Bank Negara Malaysia  
P.O. Box 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)  
Overseas: 603-2174 1717  
Waktu Operasi: 9.00 a.m. – 5.00 p.m. (Isnin – Jumaat kecuali Cuti Umum)  
Borang Web : [telelink.bnm.gov.my](http://telelink.bnm.gov.my)**

**MAKLUMAN PENTING : TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN BALIK BAGI BAKI KAD KREDIT ANDA.**

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 16 Mei 2024.

**Mustahak : Untuk pemprosesan, sila lampirkan salinan fotostat Kad Pengenalan (kedua-dua belah) atau Pasport untuk Bukan Warganegara Malaysia. Sila ambil perhatian bahawa semua dokumen tidak akan dipulangkan.**